

NO. SOALAN: 316

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

RUJUKAN : 8808

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi gejala sosial akibat daripada warganegara asing yang masuk ke Sarawak secara haram terutamanya di Kuching. Senaraikan kes-kes yang diambil tindakan semenjak 2010

JAWAPAN:

Kementerian memandang serius masalah sosial kesan daripada kemasukan warga asing ke dalam negara terutama kes yang berunsurkan maksiat, perjudian, penyalahgunaan dadah dan kes sosial yang lain yang melibatkan warga asing seperti pergaulan yang bebas, cara pemakaian yang menjolok mata dan sebagainya.

Dalam memastikan aktiviti pelacuran, penyalahgunaan dadah dan jenayah indeks tidak menjejaskan kerukunan dan keharmonian masyarakat Malaysia, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya untuk membentasi kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang secara tidak langsung menjejaskan imej negara ini. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- (a) Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;**
- (b) Mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai sarang-sarang sindiket dari masa ke semasa;**
- (c) Menyenaikan dan menyenaraikan perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenal pasti sering**

memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran;

- (d) Mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* oleh penyeludup-penyeludup yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur dan penyeludupan dadah untuk tindakan pencegahan; dan**
- (e) Kerjasama yang erat diantara agensi-agensipenguatkuasaan lain juga memainkan peranan penting dalam membendung gejala tidak bermoral ini.**

Statistik tangkapan warga asing bagi kesalahan pelacuran di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga 2015 seperti berikut:-

| NEGARA | 2013 | 2014 | 2015 |
|---------------|--------------|--------------|--------------|
| CHINA | 4220 | 4523 | 3148 |
| INDONESIA | 1258 | 1450 | 1173 |
| THAILAND | 3158 | 4635 | 5061 |
| VIETNAM | 4862 | 7561 | 8639 |
| FILIPINA | 465 | 749 | 460 |
| MYANMAR | 130 | 216 | 284 |
| INDIA | 110 | 261 | 240 |
| UZBEKISTAN | 6 | 58 | 21 |
| LAOS | 36 | 110 | 145 |
| KAMPUCHEA | 171 | 210 | 145 |
| NEPAL | 16 | 17 | 33 |
| BANGLADESH | 58 | 127 | 149 |
| MONGOLIA | 0 | 3 | 1 |
| NIGERIA | 85 | 77 | 68 |
| KHYTZAN | 1 | 1 | 0 |
| MESIR | 0 | 2 | 0 |
| SINGAPURA | 1 | 1 | 0 |
| SYRIA | 0 | 0 | 1 |
| TAJKISTAN | 4 | 1 | 25 |
| RUSSIA | 9 | 4 | 2 |
| VENEZUELA | 0 | 1 | 9 |
| PAKISTAN | 9 | 6 | 7 |
| AZERBAIJAN | 0 | 2 | 27 |
| NEW ZEALAND | 0 | 0 | 7 |
| TAIWAN | 4 | 0 | 1 |
| UGANDA | 1 | 24 | 4 |
| SRI LANKA | 18 | 19 | 40 |
| CHANA | 0 | 0 | 1 |
| YAMAN | 0 | 0 | 1 |
| TANZANIA | 0 | 3 | 5 |
| KENYA | 0 | 1 | 1 |
| KOREA | 0 | 0 | 1 |
| TURKI | 10 | 0 | 0 |
| ROMANIA | 0 | 1 | 0 |
| UKRAINE | 4 | 0 | 0 |
| MAGHRIBI | 0 | 9 | 0 |
| AFRIKA | 0 | 2 | 0 |
| IRAQ | 1 | 1 | 0 |
| IRAN | 1 | 8 | 6 |
| FRANCIS | 0 | 1 | 1 |
| JUMLAH | 14638 | 20084 | 19706 |

Statistik tangkapan warga asing bagi kesalahan berkaitan dengan dadah di seluruh negara bagi tahun 2015 seperti berikut:-

| TAHUN | SEK 39B ADB 1952 | LAIN-LAIN SEKSYEN | JUMLAH KESELURUHAN |
|--------------|-------------------------|--------------------------|---------------------------|
| 2013 | 410 | 3874 | 4284 |
| 2014 | 499 | 5428 | 5927 |
| 2015 | 499 | 5428 | 5927 |
| 2016 (JAN) | 48 | 758 | 806 |

Statistik tangkapan warga asing bagi kesalahan dibawah jenayah indeks di negeri Sarawak bagi tahun 2013 sehingga 2015 seperti berikut:-

| KESALAHAN | TAHUN 2013 | TAHUN 2014 | TAHUN 2015 |
|-------------------------------|------------|------------|------------|
| JENAYAH KEKERASAN | | | |
| BUNUH | 29 | 33 | 4 |
| ROGOL | 8 | 5 | 8 |
| SAMUN BERKAWAN BERS/API | 2 | 3 | 7 |
| SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API | 16 | 11 | 27 |
| SAMUN BERSENJATAPI | 1 | 0 | 0 |
| SAMUN TANPA S/API | 1 | 0 | 6 |
| MENCEDERAKAN | 29 | 34 | 26 |
| JUMLAH | 86 | 86 | 78 |
| JENAYAH HARTABENDA | | | |
| CURI | 46 | 93 | 104 |
| CURI MOTOKAR | 13 | 23 | 21 |
| CURI MOTOSIKAL | 233 | 230 | 239 |
| CURI VAN/LORI/J'BERAT | 3 | 2 | 4 |
| CURI RAGUT | 0 | 2 | 1 |
| PECAH RUMAH DAN CURI | 140 | 187 | 165 |
| JUMLAH | 435 | 537 | 534 |
| JUMLAH KES | 521 | 623 | 612 |

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah yang digunakan dalam pengiraan harga jualan petrol Ron 95, Ron 97 dan diesel di Malaysia. Kenapakah dalam keadaan harga minyak mentah dunia setong yang kurang daripada USD30, harga petrol masih dianggap tinggi di Malaysia.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah

melaksanakan penetapan harga runcit RON95 dan diesel mengikut harga pasaran berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Langkah ini selaras dengan kaedah yang sama diguna pakai bagi penetapan harga runcit RON97 yang dilaksanakan terlebih dahulu sejak Julai 2010. Berdasarkan kaedah ini, perubahan harga runcit petrol dan diesel di negara ini dibuat sebulan sekali iaitu mulai setiap 1 haribulan.

Antara komponen utama formula APM yang mempengaruhi penetapan harga runcit petrol dan diesel ialah komponen kos sebenar setiap produk petroleum yang telah siap diproses (*refined product*) yang mana termasuklah kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Ini memandangkan urusan dagangan minyak di pasaran dunia adalah dilakukan dalam nilai mata wang US dolar, maka penyusutan nilai tukaran mata wang ringgit berbanding US dolar pada kedudukan masa kini turut mempengaruhi harga runcit semasa berdasarkan formula APM. Sebagai contoh, purata kos produk bagi RON95 yang telah siap diproses adalah lebih tinggi sebanyak USD21 sehingga USD23 setong pada ketika harga minyak mentah di pasaran dunia berada dalam lingkungan USD28 setong menjadikan kos sebenar produk berada pada antara USD49

(USD21+USD28) dan USD51 (USD23+USD28).

Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN JULIAN TAN KOK
PING [STAMPIN]**

SOALAN : 318

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan penggunaan peruntukan di kawasan Parlimen Stampin semenjak pilihan Raya ke-13 secara terperinci dan dari segi perbelanjaan setiap Ringgit Malaysia.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2014 dan 2015 iaitu selepas Pilihan Raya ke-13, kawasan Parlimen Stampin telah menerima agihan peruntukan sebanyak RM114.3 juta bagi pembiayaan sebanyak 34 program dan projek pembangunan. Bagi tahun semasa iaitu 2016 pula, kawasan Parlimen Stampin menerima peruntukan sebanyak RM69.9 juta bagi pembiayaan sebanyak 15 projek.

Sekian. Terima kasih.